

# Penarafan Webometric: UTHM berada di kedudukan ketujuh

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kini di kedudukan ke-7 dalam senarai penarafan Webometrics pada Januari 2015 sekaligus dalam senarai 90 institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

Bahagian Komunikasi Korporat UTHM berkata, pencapaian itu meletakkan UTHM berada di kedudukan ke 1002 daripada 25000 IPT seluruh dunia.

"Peningkatan dari kedudukan 2055 pada tahun lalu ke 1002 pada tahun ini membuktikan bahawa UTHM sentiasa berusaha gigih melakukan penambahbaikan dalam pentadbirannya.

"Semua peringkat dan bahagian di UTHM dari segi perkhidmatan, perkongsian dan penerbitan maklumat secara global untuk memenuhi keperluan penggunaannya dilakukan dengan sebaik mungkin," katanya.

Menurutnya, bermula di kedudukan ke 4491 pada Januari 2009, kedudukan UTHM di peringkat dunia terus meningkat tahun demi tahun melalui sistem penarafan akademik IPT.

"Penarafan Webometrics merupakan sistem penarafan akademik IPT dijalankan sebanyak dua kali setahun oleh Cybermetric Lab iaitu sebuah kumpulan penyelidik terbesar dari Sepanyol dan penilaian mengambil kira kriteria Presence, Impact,

ranking	World Rank	University	Det.	Presence Rank	Impact Rank
1	420	<a href="#">Universiti Putra Malaysia</a>	57	170	1088
2	480	<a href="#">Universiti Sains Malaysia</a>	55	572	1175
3	552	<a href="#">Universiti Teknologi Malaysia</a>	54	278	1687
4	648	<a href="#">University of Malaya</a>	53	909	1953
5	815	<a href="#">Universiti Kebangsaan Malaysia / National University of Malaysia</a>	52	1230	2108
6	936	<a href="#">Universiti Teknologi MARA</a>	51	122	2464
7	1002	<a href="#">Universiti Tun Hussein Onn Malaysia</a>	50	993	1241
8	1462	<a href="#">International Islamic University of Malaysia</a>	49	1521	3915
9	1573	<a href="#">Universiti Malaysia Sabah</a>	48	397	5045
10	1829	<a href="#">Al Madinah International University</a>	47	280	1545
11	1697	<a href="#">Universiti Utara Malaysia</a>	46	98	4328
12	1703	<a href="#">Universiti Malaysia Perlis</a>	45	599	6373
13	1777	<a href="#">Universiti Sains Islam Malaysia</a>	44	990	1466
14	1847	<a href="#">Multimedia University</a>	43	4509	3400
15	1956	<a href="#">Universiti Malaysia Pahang</a>	42	2342	5469
16	2120	<a href="#">Universiti Tunku Abdul Rahman</a>	41	503	7246
17	2214	<a href="#">Universiti Teknikal Malaysia Melaka</a>	40	478	7169
18	2302	<a href="#">Universiti Malaysia Sarawak</a>	39	3704	9256

**Kedudukan UTHM di ranking ketujuh menunjukkan universiti berkenaan komited dalam urusan pentadbirannya.**

Openness dan Excellence.

"Presence dinilai berdasarkan jumlah halaman yang diperolehi menerusi enjin carian Google sementara Impact dinilai melalui pautan masuk yang diterima dan diperolehi daripada Majestic SEO dan ahrefs.

"Manakala Openness, mengikut kepelbagaian jenis fail seperti .pdf, .doc, .docx, .ppt, .pptx yang terdapat di Google Scholar dan Excellence

pula dinilai berdasarkan jumlah penulisan ilmiah yang diterbitkan oleh High Impact International Journals," katanya.

Katanya, penarafan Webometrics itu merupakan pengiktirafan dunia terhadap penulisan serta penerbitan ilmiah dan saintifik yang dihasilkan oleh sesebuah institusi.

Infolanjutlayari <http://www.webometrics.info/en/asia/malaysia%20>.